



## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

*Department Of Veterinary Services*

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)

Laman Web : [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **KES KEMATIAN KUCING DI UNIVERSITI MALAYA**

**PUTRAJAYA:** Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengesahkan telah menerima aduan berhubung 2 kejadian berasingan melibatkan kes kematian kucing yang berlaku di Universiti Malaya (UM).

Untuk kejadian pertama, DVS telah menerima aduan pada 17 Disember 2024 berhubung kematian kucing yang berlaku di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi. Pasukan Unit Kebajikan Haiwan DVS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan siasatan pada hari yang sama bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung aduan ini. Maklumat yang diperolehi daripada pihak pengurusan UM telah menyatakan kejadian sebenar telah berlaku pada 12 Disember 2024 dan bangkai kucing telah ditanam di sekitar bangunan fakulti tersebut.

Pihak pengurusan universiti juga memaklumkan bahawa tiada saksi yang menyaksikan kejadian tersebut berlaku serta tiada cctv pada bangunan berkenaan. Hasil pemeriksaan terhadap bangkai kucing yang digali menunjukkan bangkai sudah terurai dan tidak boleh dilakukan bedah siasat bagi mengesahkan kejadian sebenar.

Untuk kejadian kedua, DVS telah menerima aduan pada 20 Disember 2024 melibatkan kematian 4 ekor kucing di lokasi berbeza di sekitar kampus Universiti Malaya iaitu di Perpustakaan UM, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi dan Pusat Asasi Sains UM berdekatan Pusat Mikrobiologi dan Genetik Molekul dan Ambang Asuhan Jepun.

Pasukan Unit Kebajikan Haiwan DVS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah turun menjalankan siasatan pada hari yang sama tetapi tidak menjumpai sebarang karkas, darah atau apa-apa bukti berkaitan kematian kucing yang dilaporkan. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pihak pengurusan keselamatan universiti yang memaklumkan bangkai kucing dikatakan telah dihantar ke klinik veterinar yang tidak dikenal pasti oleh wakil Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM). Pasukan penyiasat juga gagal mendapatkan maklumat daripada wakil KMUM pada hari tersebut.

DVS memandang serius terhadap kejadian ini dan mana-mana pihak disarankan supaya membuat aduan secara rasmi sekiranya terdapat kes kezaliman haiwan seperti ini kepada pihak berkuasa veterinar di pautan [awa.dvs.gov.my](http://awa.dvs.gov.my).

DVS juga menyeru supaya sebarang aduan hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa veterinar agar tindakan dapat diambil selaras dengan Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772]. Tindakan yang tidak mengikut saluran yang tepat dikhuatiri boleh mengganggu siasatan yang akan dijalankan.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
21 DISEMBER 2024**